

30 OCT 1998

Mahathir-Reformasi

MEDIA ASING MESTI ADIL BUAT LAPORAN DEMONSTRASI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Kerajaan tidak menghalang media asing membuat laporan mengenai demonstrasi dan perhimpunan haram penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim tetapi mereka hendaklah juga memberi laporan penjelasan yang dibuat oleh kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata media asing terutama CNN dan CNBC berulang kali menayangkan demonstrasi dan perhimpunan haram yang berlaku di ibu negara tetapi tidak sedikitpun melaporkan penjelasan yang dibuat oleh beliau atau pihak kerajaan mengenai perkara itu.

Tindakan media asing itu menayangkan berkali-kali dalam sehari mengenai demonstrasi dan perhimpunan oleh kumpulan "reformasi" itu, ialah untuk menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia adalah sebuah lagi negara sedang membangun yang tidak mampu mentadbirkan negara, katanya.

"Mereka tunjuk bahawa kita ini bodoh dan tidak boleh mentadbirkan negara ini. Bagi mereka hanya orang putih sahaja yang pandai dan mampu mentadbir negara," katanya pada persidangan berita bagi mengumumkan penubuhan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Dr Mahathir yang Menteri Dalam Negeri semasa ditanya sama ada negara asing terlibat dalam penganjuran demonstrasi dan perhimpunan haram itu, beliau berkata: "Saya tidak berani menyatakan ada penglibatan negara asing tetapi galakan daripada pihak luar, ada."

Perdana Menteri berkata beliau tidak takut untuk membuat teguran terhadap mana-mana pihak yang membuat salah termasuk juga media tempatan atau kesatuan sekerja.

Beliau berkata tindakan penyokong Anwar mengadakan demonstrasi dan perhimpunan haram adalah satu tindakan merugikan.

"Perbuatan mereka menjejaskan pendapatan peniaga kecil, pemandu teksi dan menakutkan orang asing untuk melawat negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau kesal dengan tindakan mereka yang menggunakan masjid untuk melakukan demonstrasi dan tunjuk perasaan.

Katanya masjid adalah tempat untuk mengerjakan ibadat dan bukan untuk menunjuk perasaan dan mengganas.

Beliau berkata penunjuk-penunjuk perasaan itu mencabar polis dalam demonstrasi dan perhimpunan haram semata-mata untuk "membolehkan" media asing mengambil gambar untuk ditunjukkan kepada dunia kononnya polis negara ini kejam.

Mengenai pembabitan kakitangan awam pula, Dr Mahathir berkata setahunya terdapat kira-kira 100 orang dan mereka tidak boleh menyalahkan kerajaan jika tindakan dikenakan terhadap mereka.

Sebagai kakitangan awam, mereka tentu tahu peraturan dalam kerajaan dan tindakan yang boleh dikenakan terhadap mereka yang melanggar peraturan dan undang-undang negara, katanya.

"Mereka mesti bertanggungjawab atas tindakan mereka dan jangan pula menuduh kerajaan kejam apabila tindakan diambil ke atas mereka," katanya.

Ditanya sama ada demonstrasi dan tunjuk perasaan haram itu membimbangkan kerajaan, Perdana Menteri berkata: "Jika saya kata tidak membimbangkan), esok mereka akan lakukan lebih besar lagi."

Apa yang penting, katanya, perbuatan mereka itu menjejaskan rakyat terutama golongan miskin yang mencari nafkah di ibu negara.

-- BERNAMA

SJA MAI